

Industri kereta harus menguasai ilmu pengeluaran

SHAH ALAM 6 Jun — Industri kereta tempatan harus menguasai secara keseluruhan ilmu pengeluaran kereta bagi memastikan ia menggunakan bahan tempatan seratus-peratus, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kecekapan menguasai perkara tersebut akan dapat menurunkan kos pengeluaran sesebuah kereta.

“Pada masa ini kos pengeluaran terjejas kerana masih terdapat komponen yang diimport dari Jepun dan kos sudah pun meningkat kerana kenaikan mata wang yen,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Ibu Pejabat Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON), yang baru di sini, hari ini.

Mengenai hasrat EON untuk mempertingkatkan usaha menerokai pasaran baru di luar negara dan menjalin perdagangan dengan negara-negara Selatan, Dr. Mahathir berkata, langkah itu boleh dilaksanakan tetapi dengan menggunakan perancangan yang teliti.

“Setiap satu negara yang kita pasarkan... kita mestilah rancang dengan baik supaya tidak gagal kerana sekali kita gagal sukar untuk dipulihkan semula,” katanya.

Beliau berkata, sebelum sebarang langkah untuk mengembangkan pasaran ke negara Selatan, EON mestilah menentukan bahawa mereka mampu menyelia kereta-kereta yang dijual di negara-negara berkenaan.

Keupayaan

“Jika tidak...bila ada *break down* kita tidak ada keupayaan untuk pulih semula,” katanya.

Mengenai cadangan beliau supaya EON meningkatkan jualan PROTON melalui urusan perdagangan timbal-balas, Dr. Mahathir berkata, ada sesetengah negara yang mungkin tidak mempunyai tukaran wang asing yang mencukupi untuk membeli kereta Malaysia.

“Oleh itu kita harus berusaha untuk mengimport barangan keluaran mereka kerana dengan cara ini kita boleh menjual Proton dan dibayar de-

ngan harta benda barangan selain daripada kewangan,” katanya.

Dr. Mahathir juga berkata, dalam masa 10 tahun Perusahaan Otomobil Malaysia (PROTON) telah maju jauh ke hadapan.

“Kita dapat lihat perkembangan Proton yang kini sampai ke satu tahap yang amat canggih yang mana PROTON dan EON mempunyai kegiatan yang tidak dimimpikan dahulu,” katanya.

Perdana Menteri berkata, EON kini telah mampu mengubah bentuk kereta bermutu tinggi serta mampu memperbaiki kereta dengan begitu cepat dan canggih.

“Selain itu, keupayaan EON mengubahsuaikan kereta lumba telah menunjukkan betapa kakitangan Proton sudah menguasai pelbagai aspek kejuruteraan yang dahulunya kita tidak pernah ada,” katanya.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, pencapaian itu telah menunjukkan industri automotif di Malaysia melalui EON dan PROTON sudah mencapai kemajuan yang boleh dibanggakan.